

16/04/1997

Dialog MSC beri pendedahan jelas

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

ALOR STAR, Selasa - Menteri Besar, Datuk Seri Sanusi Junid, berkata dialog Koridor Raya Multimedia (MSC) bersama Perdana Menteri membabitkan 28 lokasi di seluruh negara hari ini berupaya memberi pendedahan lebih jelas kepada rakyat mengenai pelaksanaan projek itu.

Beliau berkata, dialog yang diikuti puluhan ribu anggota masyarakat pelbagai golongan juga membolehkan mereka menerima maklumat mengenai teknologi maklumat, khususnya MSC.

Menurutnya, dialog luar negara yang dianjurkan kerajaan di Amerika Syarikat dan Jepun baru-baru ini tidak memadai berbanding dialog yang diadakan dalam negara.

"Ketika Dr Mahathir bercakap mengenainya di luar negara, saya bimbang jika orang ramai tidak berapa faham mengenainya.

"Dialog hari ini memberi pendedahan kepada puluhan ribu anggota masyarakat yang akan memudahkan mereka menerimanya, sekali gus menyambut baik rancangan kerajaan melaksanakan MSC," katanya kepada pemberita selepas mengikuti dialog persidangan video bersama kira-kira 500 orang dari pelbagai lapisan masyarakat di Dewan Sri Negeri, Wisma Darulaman, di sini hari ini.

Mengenai pendedahan bidang teknologi maklumat dan MSC di Kedah, Sanusi berharap penduduk negeri ini lebih peka terhadap kepentingan komputer, Bahasa Inggeris, matematik dan sains.

Menurutnya, menerusi cara itu rakyat boleh menimba dan menguasai ilmu dari luar untuk meningkatkan keupayaan negara.

Menteri Besar berkata, kerajaan membuat keputusan memperkenalkan komputer kepada orang ramai di masjid daerah dan kampung.

Sebagai permulaan, lima kampung dipilih untuk mewujudkan Pusat Bacaan Rakyat (Pubara) yang akan dibina dalam kawasan sawah. Bagi tujuan itu sebuah bangunan berharga kira-kira RM30,000 lengkap dengan bilik bacaan dan komputer akan dibina.

"Langkah ini diharap dapat menghilangkan misteri komputer dan teknologi maklumat di kalangan anggota masyarakat, terutama penduduk kampung.

"Ia sekali gus menghapuskan sekatan mental mengenai komputer di kalangan mereka," katanya.

(END)